

## SEJARAH AL-QURAN: TAHAP-TAHAP PERKEMBANGAN PEMBAHARUAN TANDA-TANDA TITIK DAN BARIS DI DALAM MASHAF

**Mohamad Redha Bin Mohamad,** [mohamadredha@kuis.edu.my](mailto:mohamadredha@kuis.edu.my)

**Muhammad Fairuz Bin A. Adi,** [fairuz@kuis.edu.my](mailto:fairuz@kuis.edu.my)

Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

**Nurul Khadijah Binti Mohamad**

[nurulkhadijah89@usim.edu.my](mailto:nurulkhadijah89@usim.edu.my)

Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia

### ABSTRAK

Al-Quran merupakan sebuah kitab suci yang sentiasa dibaca oleh umat Islam. Al-Quran telah dijamin Allah s.w.t. akan terpelihara dari sebarang perubahan hingga ke hari kiamat. Walaupun begitu, seiring dengan peredaran zaman, beberapa perubahan telah dilakukan terhadap mashaf al-Quran. Perubahan ataupun inovasi ini tidaklah menjelaskan keaslian al-Quran itu sendiri malah memudahkan umat Islam yang mempunyai pelbagai latar belakang untuk membaca al-Quran. Kertas kerja ini membincangkan tahap-tahap perkembangan dan pembaharuan tanda-tanda titik dan baris di dalam al-Quran. Terdapat beberapa perubahan yang dilakukan terhadap titik dan baris iaitu antaranya peletakan *Nuqt al-I'rab*, peletakan *Nuqt al-I'jam* dan perubahan tanda baris atau *harakah*. Beberapa peristiwa yang berlaku telah menyebabkan perubahan-perubahan ini dilaksanakan. Kertas kerja ini juga akan memasukkan pandangan-pandangan ulama terhadap hukum melakukan perubahan terhadap mashaf al-Quran. Metod kajian dilakukan secara kualitatif manakala pengumpulan data dijalankan menerusi kaedah kepustakaan dan pencarian maklumat melalui internet. Hasil kajian mendapati perkembangan pembaharuan tanda-tanda titik dan baris di dalam mashaf al-Quran terbahagi kepada lima tahap yang utama. Kelima-lima tahap ini adalah berlaku bermula zaman Rasulullah s.a.w. sehinggalah kepada zaman kerajaan Bani Abbasiyah. Kertas kerja ini dapat memberi sumbangan dalam aspek kajian terhadap sejarah perkembangan dan pembaharuan mashaf al-Quran.

**Kata kunci:** *Sejarah, Al-Quran, Mashaf, Nuqt al-I'rab, Nuqt al-I'jam*

### 1.0 PENGENALAN

Islam adalah satu cara hidup yang lengkap. Ia mencakupi setiap perkara yang hadir dalam kehidupan seharian manusia. Allah s.w.t. menurunkan al-Quran sebagai panduan utama untuk umat manusia di samping mengutuskan Nabi Muhammad s.a.w. untuk dicontohi dan diteladani. Rasulullah s.a.w. telah menyatakan bahawa individu yang berpegang teguh dengan al-Quran dan as-Sunnah pasti tidak akan tersesat sehingga ke hari kiamat. Ini membuktikan betapa pentingnya al-Quran dalam membentuk dan membimbing umat manusia ke jalan yang lurus. Sabda Nabi Muhammad s.a.w.:

ترکت فیکم أُمرين لَنْ تضلُّوا مَا تمسكتم بِهِما: كِتابُ اللهِ وَسُنْنَةُ نَبِيِّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya: “Aku tinggalkan kepada kamu semua dua perkara, tidak akan sesat selama-lamanya apa yang berpegang kepada kedua itu, iaitu al-quran dan sunnah nabi.”

Allah telah berfirman bahawa al-Quran akan terjaga dengan baik dan tidak akan dapat diubah oleh sesiapa pun. Sebagaimana firman Allah s.w.t. di dalam surah al-hijr ayat 9:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحْفَظُونَ ٩

Yang bermaksud: “Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.”

Sirah nabawiyah juga merakamkan tiada seorang pun orang kafir yang mampu dan berjaya mengubah ayat al-Quran walaupun pada ketika itu umat Arab sedang berada di zaman kegemilangan bahasa mereka. Hal ini bertepatan dengan firman Allah s.w.t. di dalam surah al-an'am ayat 115:

وَتَمَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ صِدْقًا وَعَدْلًا لَا مُبَدِّلَ لِكَلِمَتِهِ ۝ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۝ ۱۱۵

Yang bermaksud: “Dan telah sempurnalah kalimah Tuhanmu (al-Quran, meliputi hukum-hukum dan janji-janjiNya) dengan benar dan adil; tiada sesiapa yang dapat mengubah sesuatupun dari kalimah-kalimahNya dan Dialah yang sentiasa mendengar, lagi sentiasa mengetahui”.

Walaupun begitu, boleh dilihat pada masa kini, pelbagai tanda-tanda telah diletakkan di dalam mashaf al-Quran. Perkara ini bukanlah satu perubahan atau inovasi yang dilarang, bahkan ia dibolehkan kerana memberi manfaat kepada para pembaca al-Quran. Kajian ini akan menjelaskan tahap-tahap perkembangan pembaharuan tanda-tanda titik dan baris di dalam mashaf al-Quran.

## 2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kertas kerja ini dihasilkan dengan menggunakan metod kualitatif manakala pengumpulan data dijalankan menerusi kaedah kepustakaan dan pencarian maklumat melalui internet. Kaedah kepustakaan melibatkan bacaan kritis terhadap bahan-bahan berkaitan terutamanya buku-buku sejarah al-Quran.

## 3.0 ANALISIS DAN PERBINCANGAN

### 3.1 Pengertian Mashaf Al-Quran

Al-Quran adalah kitab suci umat Islam yang disampaikan oleh Jibril a.s. kepada Nabi Muhammad s.a.w. Kemudiannya, baginda menyampaikan kalimah-kalimah wahyu yang telah diterima kepada para sahabat yang juga merupakan penghafal al-Quran dan penulis-penulis wahyu. Kaedah yang digunakan dalam penyampaian al-Quran adalah secara *talaqqi* dan *musyafahah* yang masih digunakan turun temurun sehingga ke zaman sekarang.

Perkataan mashaf adalah berasal dari perkataan sahifah dan jamaknya sahaif ataupun suhuf. Istilah mushaf merupakan perkataan bahasa arab yang secara harfiah bermaksud kulit iaitu kulit buku tetapi digunakan dalam konteks ini merujuk kepada senaskhah kitab al-Quran. Manakala al-Quran pula merupakan kalam Allah s.w.t. yang dapat melemahkan yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. dengan perantaraan Jibril yang ditulis dalam mashaf yang dipindahkan dengan cara mutawatir dan dikira ibadat kepada orang yang membacanya yang dimulakan dengan surah al-Fatiyah dan disudahi dengan surah al-Nas (Rosmawati Ali 2010). Pengertian ini adalah takrif yang disepakati oleh jumhur ulama.

### 3.2 Lima Tahap Perubahan Tanda Titik Dan Baris Dalam Mashaf Al-Quran

Sebagai hipotesis awal, tahap-tahap penulisan al-Quran rasm uthmani dari aspek penandaan titik dan baris terbahagi seperti berikut:

**Tahap pertama:** Belum diletakkan sebarang tanda.

**Tahap kedua:** Ditandakan titik (*nuqt al-I'rab*) yang dipelopori oleh Abu al-Aswad al-Duali.

**Tahap ketiga:** Ditandakan dengan titik (*nuqt al-I'jam*) yang dipelopori oleh Yahya bin Ya'mar dan Nasyr bin 'Asim al-Laisy dengan perintah Gabenor Iraq iaitu al-Hajjaj bin Yusof al-Thaqafi.

**Tahap keempat:** Diletakkan dengan tanda-tanda baris (*harakah*) yang dipelopori oleh al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi.

**Tahap kelima:** Perubahan bentuk tulisan (khat) dan penambahbaikan bentuk baris (*harakah*).

### 3.3 Tahap Pertama: Zaman Rasulullah Dan Sahabat

Pengumpulan al-Quran pada zaman Rasulullah s.a.w. bermaksud penulisan dan hafalan al-Quran. Ini kerana, sejarah pengumpulan al-Quran pada zaman Rasulullah s.a.w berlaku dalam dua bentuk tersebut dan ia terus berkembang sehingga ke hari ini dalam bentuk mashaf.

Lantaran Rasulullah seorang yang *ummi* iaitu tidak tahu menulis dan membaca, maka baginda sentiasa menghafal dan bergantung kepada kekuatan ingatan untuk menjaga setiap wahyu yang diturunkan kepada baginda. Baginda menghafal kesemua wahyu yang diturunkan dan membaca serta menyampaikannya kepada para sahabat dengan cara tartil. Selain itu juga, baginda mentafsirkan dan menjelaskan rahsia ayat yang diterima itu supaya dapat difahami dengan jelas maksud yang dikehendaki (Rosmawati Ali 2010).

Sebelum kewafatan baginda, keseluruhan al-Quran telah tertulis, tetapi tidak dihimpun dalam satu mashaf. Ini kerana baginda tidak pernah memerintahkan supaya al-Quran ditulis dalam satu mashaf di atas dua sebab iaitu:

- i. Para sahabat lebih cenderung untuk menghafaz dan membaca al-Quran berbanding terus menulis atau mencatat ayat-ayat al-Quran disebabkan kesukaran untuk mendapatkan peralatan penulisan seperti kertas dan sebagainya.
- ii. Baginda menjangkakan turunnya tambahan ayat atau ayat-ayat yang memansuhkan setengah hukum atau memansuhkan bacaan sesetengah ayat.

Tambahan itu, Rasulullah s.a.w. tidak hanya menumpukan usaha pemeliharaan al-Quran melalui hafalan semata-mata, bahkan baginda telah mengarahkan beberapa orang sahabat yang dilantik sebagai penulis wahyu untuk menulis ayat-ayat al-Quran itu pada beberapa bahan diantaranya pelepas kurma, kepingan batu, kulit binatang, perca kain dan sebagainya. Antara sahabat yang masyhur sebagai penulis wahyu adalah dari kalangan para sahabat yang terkemuka seperti Khulafa' ar-Rasyidin, Muawiyah bin Abi Sufyan, Aban bin Said, Khalid al-Walid, Ubai bin Ka'ab, Zaid bin Thabit dan Thabit bin Qais. Mereka berperanan untuk menulis dan menunjukkan tempat ayat tersebut dalam surah. Dengan demikian tulisan-tulisan tersebut membantu mereka dalam proses penghafalan al-Quran (Manna' al-Qattan 2015).

Setiap kali bulan Ramadhan, Rasulullah s.a.w. akan bertadarus bersama Jibril a.s. Namun pada ramadhan terakhir sebelum kewafatan baginda, baginda bertadarus sebanyak dua kali. Pada semakan terakhir Rasulullah bersama malaikat Jibril a.s. yang dinamakan *al-'Urdhatul al-*

*Akhirah*, seorang sahabat iaitu Zaid bin Thabit turut hadir (Ahmad Zulfiqar; Wan Nasyrudin; Sabri Mohamad & Mohd Abdul Nasir 2015).

Faktor utama penulisan al-Quran dikumpulkan dalam satu tempat adalah memenuhi tuntutan maslahah umat. Idea ini pertama kali muncul setelah kewafatan Rasulullah s.a.w. setelah melihat kepada faktor keperluan yang sangat penting. Semasa zaman Rasulullah s.a.w., idea pengumpulan al-Quran pada satu tempat tidak berlaku kerana pada masa itu tidak ada keperluan ke arah penulisan secara rasmi kerana kebanyakan para sahabat apabila mendengar bacaan dari baginda, mereka terus menghafal secara langsung dan disemak bacaannya di hadapan Rasulullah s.a.w. Manakala ada sebahagian sahabat yang lain hanya menulis ayat-ayat yang mereka dengar dari baginda tanpa menghafal. Di samping itu, terdapat sebahagian lain pula melakukan kedua-duanya iaitu menghafal dan menulis ayat-ayat al-Quran.

Selepas kewafatan Rasulullah s.a.w., Saidina Abu Bakar r.a telah dilantik sebagai khalifah untuk meneruskan tugas-tugas baginda. Pada masa itu, telah berlaku perperangan antara pengikut yang masih setia kepada Rasulullah s.a.w. dengan golongan murtad yang dipimpin oleh Musailamah al-Kazzab. Perperangan ini dikenali sebagai perperangan al-Yamamah (Bakri Syeikh Amin 1979). Tentera Islam yang mengikuti perperangan ini adalah daripada para sahabat dan sebilangan daripada mereka merupakan penghafal al-Quran. Dalam perperangan tersebut seramai 70 orang penghafal al-Quran yang telah gugur syahid. Sedangkan sebelum itu telah gugur dalam hampir jumlah yang sama ketika zaman Rasulullah s.a.w. dalam satu pertempuran di Bi'r al-Ma'unah berdekatan kota Madinah (Syeikh Ali al-Sabuni 2012). Hal ini mencetuskan kebimbangan terhadap Saidina Umar kerana al-Quran berkemungkinan akan turut hilang bersama-sama dengan para huffaz yang syahid. Maka Saidina Umar pergi mengadap khalifah dan mencadangkan supaya al-Quran dikumpul.

Walaupun pada mulanya Saidina Abu Bakar tidak bersetuju dan berasa ragu-ragu terhadap cadangan Saidina Umar, akhirnya setelah mempertimbangkan kemaslahatan dan mendapat petunjuk daripada Allah s.w.t., Saidina Abu Bakar telah bersetuju melaksanakan cadangan Saidina Umar dan mereka telah melantik Zaid bin Thabit sebagai pengumpul kesemua tulisan-tulisan al-Quran yang ada. Akhirnya beliau berjaya mengumpul dan menyusun al-Quran menjadi lembaran-lembaran dan ia digunakan sehingga ke zaman Saidina Uthman al-Affan (Bakri Syeikh Amin 1979).

Pada zaman pemerintahan Saidina Uthman, negara Islam semakin meluas dan banyak wilayah-wilayah lain telah ditakluki. Para sahabat telah dihantar ke kota-kota takluk tersebut untuk berdakwah dan juga mengajar masyarakat membaca al-Quran mengikut cara bacaan masing-masing (Manna' al-Qattan 2015). Hal ini menyebabkan wujud ketidakseragaman bacaan di antara penduduk sebuah kota dengan kota yang lain. Akibatnya berlaku pergaduhan dan pertelingkahan sesama mereka sehingga hampir ada yang mengkufurkan sesama mereka disebabkan perbezaan bacaan tersebut (Syeikh Ali al-Sabuni 2012).

Keadaan yang tidak begitu sihat ini telah disampaikan oleh seorang sahabat yang bernama Huzaifah bin al-Yaman kepada Saidina Uthman al-Affan. Huzaifah telah mencadangkan supaya Saidina Uthman mencari jalan untuk menyatukan kaum muslimin dengan cara menyelaraskan mashaf agar tidak berlaku lagi perbalahan dan perselisihan tersebut. Saidina Uthman telah membentuk satu jawatankuasa penulisan al-Quran yang diketuai oleh Zaid bin Thabit dan dibantu oleh beberapa orang anggota yang lain iaitu Abdullah bin Zubair, Said bin al-'As dan Abdul Rahman bin al-Harith bin Hisyam.

Lembaran-lembaran al-Quran yang diambil dari simpanan Saidatina Hafsa binti Umar merupakan sumber utama rujukan untuk penulisan mashaf. Ketika ahli-ahli jawatankuasa ini menjalankan tugas, Saidina Uthman telah memberi nasihat dan meletakkan panduan bahawa asas rujukan di dalam penulisan al-Quran ini hendaklah berdasarkan bacaan para al-Qurra' yang mutawatir dan ayat-ayat al-Quran tersebut tidak dinasakh. Selain itu, jika terdapat perbezaan pada bacaan mereka, maka hendaklah ditulis mengikut bahasa orang Quraisy kerana al-Quran itu diturunkan menurut bahasa Quraisy.

Menurut pendapat yang muktamad, jawatankuasa tersebut telah menyusun dan menyalin sebanyak enam mashaf al-Quran. Sebuah mashaf untuk kegunaan Saidina Uthman sendiri yang dinamakan "Mashaf al-Imam" dan mashaf-mashaf yang lain dikirimkan ke Mekah, Syam, Basrah, Kufah dan Madinah. Mashaf tersebut bukan sahaja dijadikan rujukan tunggal bagi penduduk di kota-kota berkenaan, bahkan dihantar bersama-sama seorang imam (qari) yang adil dan mutqin di dalam bacaan al-Quran untuk mengajar masyarakat di kota berkenaan. Mereka terdiri daripada:

- i. Abdullah bin al-Saaib r.a. ke Mekah.
- ii. Al-Mughirah bin Abi Syahab r.a. ke Syam.
- iii. Abdul Rahman Abdullah bin Habib al-Sulami r.a. ke Kufah.
- iv. Amru bin Qais r.a. ke Basrah.
- v. Zaid bin Thabit r.a. di Madinah.

Selepas itu, Saidina Uthman al-Affan memerintahkan supaya kesemua lembaran yang ditulis sebelum ini dikumpulkan untuk dibakar atau dilupuskan. Disebabkan atas semua usaha ini, perbezaan bacaan (wajah al-Qiraat) yang ada hingga ke zaman sekarang tidaklah berlawanan dengan apa yang terdapat di dalam mashaf yang ditulis pada zaman Khalifah Uthman al-Affan kerana bacaan-bacaan itu telah diterima dari baginda Rasulullah s.a.w. secara mutawatir.

Secara kesimpulannya, pada tahap pertama ini, masih belum wujud sebarang tanda iaitu titik dan baris di dalam mashaf al-Quran. Ini tidak menjadi masalah kepada para sahabat kerana mereka sememangnya telah menerima dan *bertalaqqi* al-Quran secara langsung daripada Nabi Muhammad s.a.w. Para sahabat mampu untuk membaca al-Quran tanpa memerlukan sebarang tanda. Sekiranya wujud sebarang permasalahan dalam bacaan, mereka boleh terus bertemu Rasulullah s.a.w. semasa hayat baginda.

### 3.4 Tahap Kedua: Zaman Umayyah (*Nuqt al-'Irab*)

Pada zaman pemerintahan Muawiyah bin Abi Sufyan, semakin ramai orang yang bukan berbangsa Arab memeluk agama Islam. Dengan sebab itu, antara masalah yang mula-mula sekali berlaku dalam kalangan mereka ialah apabila mereka membaca al-Quran yang tidak mempunyai baris (*harakah*). Hal ini adalah kerana ketika zaman Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabat, umat Islam tidak memerlukan baris untuk membantu mereka dalam pembacaan al-Quran.

Satu riwayat menceritakan bahawa pada suatu ketika, Muawiyah bin Abi Sufyan telah mengarahkan Ziyad bin Abi Sufyan yang menjadi gabenor Basrah pada ketika itu supaya beliau menghantar anaknya Ubaidillah bin Ziyad untuk mengadapnya. Dalam pertemuan itu, Muawiyah mendapati terlalu banyak kesalahan tatabahasa yang dilakukan oleh Ubaidillah dalam pertuturnya. Oleh itu, sewaktu Ubaidillah dihantar pulang, Muawiyah telah mengutus sepucuk surat kepada Ziyad dengan mengecam beliau kerana membiarkan anaknya bertutur tanpa mengikut tatabahasa yang betul.

Setelah membaca surat itu, Ziyad terus memikirkan cara yang terbaik untuk menyelesaikan masalah tersebut. Kemudian beliau memanggil Abu al-Aswad al-Duali, iaitu seorang ulama al-Quran yang terkemuka pada ketika itu, lantas bertanya kepadanya: "Sesungguhnya bahasa Arab telah dicemari dan dimasuki unsur-unsur yang merosakkan. Bolehkah anda mencipta sesuatu yang dapat dijadikan panduan bagi orang ramai mengawal bahasa mereka dari tersalah sehingga mereka boleh membaca ayat-ayat al-Quran dengan betul?" Akan tetapi pada peringkat permulaannya, Abu al-Aswad enggan menerima cadangan tersebut, tanpa sebab tertentu (Muhammad Salim Muhaysin 2002).

Keputusan Abu al-Aswad itu tidak mengecewakan Ziyad, malah beliau terus memikirkan cara untuk lebih menyakinkan Abu al-Aswad agar beliau mencipta sesuatu yang boleh menyelesaikan masalah yang sedang dihadapi. Akhirnya beliau menyuruh seorang lelaki duduk di tepi jalan yang biasa dilalui oleh Abu al-Aswad dan berkata kepada lelaki itu: "Bila Abu al-Aswad lalu di hadapanmu, kamu bacalah sepotong ayat al-Quran dan lakukan sedikit kesilapan." Kemudian lelaki itu duduk di tepi jalan dan apabila Abu al-Aswad melintas di hadapannya, beliau membaca firman Allah s.w.t. dari surah at-Taubah ayat 187:

أَنَّ اللَّهَ بِرَيْءٌ مِّنَ الْمُشْرِكِينَ وَرَسُولُهُ<sup>صَّ</sup>

iaitu dengan baris kasrah pada huruf lam. Apabila Abu al-Aswad mendengar bacaan lelaki itu, beliau sangat terperanjat lalu berkata: "Maha Suci Allah memutuskan tanggungjawab terhadap RasulNya." Kemudian beliau segera pergi bertemu dengan Ziyad dan berkata kepadanya: "Baiklah, saya sanggup memenuhi permintaan tuan".

Untuk membantu beliau dalam melaksanakan tugas ini, beliau telah memilih seorang lelaki yang berilmu dari qabilah 'Abd al-Qays dan berkata kepadanya: "Ambil sebuah mashaf dan sebuah bekas cat yang warnanya berlainan dari warna tulisan mashaf itu. Bila aku buka kedua bibirku letakkan satu titik di atas huruf itu, bila aku himpukan (bulatkan) keduanya letakkan satu titik di hadapannya, bila aku pecahkan (buka) keduanya, letakkan satu titik di bawahnya dan bila aku pertarkan dengan ghunnah (tanwin) letakkanlah dua titik." Abu al-Aswad bersama lelaki tersebut memulakan usaha itu dari awal mashaf sehingga akhirnya.

Riwayat ini memberi gambaran bahawa telah bermula satu perubahan dari aspek titik dan baris di dalam mashaf al-Quran. Abu al-Aswad al-Duali telah menggunakan dakwat yang berwarna merah untuk membezakan dengan tulisan mashaf yang berwarna hitam. Titik-titik (baris-baris) ini dinamakan *Nuqt al- 'Irab*. Fungsi titik-titik merah ini adalah sebagai baris (*harakah*) supaya para pembaca al-Quran tidak tersilap atau terkeliru ketika membaca al-Quran.

### 3.5 Tahap Ketiga: Zaman Umayyah (*Nuqt al- 'Ijam*)

Pada zaman pemerintahan Abdul Malik bin Marwan, semakin banyak negara Islam yang baru telah dapat didirikan. Agama Islam yang merupakan agama yang benar dan sesuai untuk semua bangsa manusia terus diterima dan dianuti. Dengan kemasukan ramai orang yang bukan berbangsa Arab ('ajam) ke dalam agama Islam, maka timbulah beberapa masalah berkaitan dengan bahasa Arab.

Oleh kerana orang-orang 'ajam tidak dapat membezakan antara huruf-huruf yang *mu'jam* (huruf yang mempunyai titik) dengan yang *muhmal* (huruf yang tidak mempunyai titik), maka seringkali terjadi kesalahan apabila mereka bertutur dalam bahasa Arab. Malah hal ini lebih membimbangkan sekiranya kesalahan tersebut turut terjadi pada ayat-ayat al-Quran yang

mereka baca. Justeru itu, Khalifah Abdul Malik memerintahkan al-Hajjaj bin Yusuf al-Thaqafi, gabenor di Iraq pada ketika itu untuk mencipta sesuatu yang boleh menyelesaikan masalah yang dihadapi ini.

Untuk melaksanakan tugas ini. Al-Hajjaj bin Yusut al-Thaqafi telah melantik dua orang ulama yang pakar dalam bahasa Arab dan ilmu Qiraat, iaitu Nasr bin ‘Asim dan Yahya bin Ya’mar untuk mencipta sesuatu tanda dalam mashaf. Kedua-dua mereka menerima tugas tersebut demi untuk kemaslahatan umum dan demi menjaga keutuhan kitab suci al-Quran itu sendiri. Mereka melaksanakannya dengan mencipta titik-titik yang boleh membezakan antara satu huruf dengan huruf yang lain. Titik-titik itu ditulis dengan menggunakan dakwat yang sama warna dengan tulisan mashaf, supaya ia berbeza dengan titik-titik (baris-baris) yang direka oleh Abu al-Aswad al-Duali (Abd Rahman & Mustafa Abdullah 2002).

Pada tahap ini, berlaku satu lagi pembaharuan perkembangan titik dan baris di dalam mashaf. Nasr bin ‘Asim dan Yahya bin Ya’mar telah mencipta satu titik yang berwarna hitam bersamaan dengan warna tulisan mashaf. Titik-titik ini menggunakan warna hitam untuk membezakan dengan titik-titik merah *Nuqt al-‘Irab*. Titik-titik hitam ini dinamakan *Nuqt al-‘Ijam* dan bertujuan untuk membeza satu huruf dengan huruf yang lain. Sebagai contoh, huruf ݂ perlu diberikan titik untuk dibezakan dengan huruf ݁ dan ݃, huruf ݇ diberikan titik untuk membezakan dengan huruf ݆ dan ݈ dan lain-lain lagi. Huruf-huruf yang bertitik dinamakan huruf *mu’jam* manakala yang tidak bertitik dinamakan huruf *muhmal*.

### 3.6 Tahap Keempat: Zaman Abbasiyah (*Harakah*)

Pada zaman pemerintahan kerajaan Abbasiyyah, perkembangan pendidikan lebih pesat dari kerajaan Umayyah. Ini kerana berlaku banyak pemberontakan khususnya dari golongan Syiah ketika zaman Umayyah. Maka pada zaman Umayyah, para khalifah menumpukan perhatian dalam penyebaran Islam dan membuka wilayah-wilayah baru. Sebaliknya pada zaman Abbasiyah, kerajaan Islam telah kukuh 2/3 dunia dan usaha lebih tertumpu kepada pengukuhan sistem pendidikan dan ekonomi (Ali Muhammad 2017).

Pada zaman ini, telah lahir seorang imam yang sangat berilmu bernama al-Khalil bin Ahmad al-Basri. Beliau telah mengubah bentuk baris-baris yang dicipta oleh Abu al-Aswad al-Duali kepada bentuk yang digunakan sekarang (Sya’ban Muhammad Ismail 1978). Al-Khalil bin Ahmad merupakan orang yang pertama memulakan pembaharuan ini (Daud Ismail 2005).

Sebagaimana yang diketahui bahawa pada peringkat permulaan, baris-baris al-Quran adalah berupa titik-titik yang diletakkan pada setiap huruf yang berbaris. Pada zaman Abbasiyyah, keadaannya telah diubah menjadi lebih kemas dan elok serta mudah difahami. Baris-baris yang dimaksudkan itu ialah *fathah*, *kasrah*, *dammah*, dan *tanwin*.

- i. *Fathah* (baris atas). Bentuk asal yang diletakkan oleh al-Khalil bin Ahmad adalah berupa huruf Alif kecil yang melintang dari kanan ke kiri. Baris ini diletakkan di atas huruf-huruf yang berbaris. Bentuk ini mengalami sedikit perubahan pada zaman selepas beliau kepada keadaan melintang serta sedikit condong.
- ii. *Kasrah* (baris bawah). Bentuk asalnya adalah berupa huruf Ya’ kecil yang tertolak ke belakang seperti yang diletakkan di bawah huruf yang berkenaan selepas kepala huruf Ya’ itu dibuang. Bentuk ini juga mengalami sedikit perubahan seperti baris

*fathah* selepas zaman beliau yang mana keadaannya dicondongkan sedikit.

- iii. *Dammah* (baris hadapan). Bentuk asalnya adalah berupa huruf Waw kecil yang diletakkan di atas huruf yang berbaris. Ada juga pendapat yang mengatakan bahawa ia diletakkan di hadapan atau di sebelah huruf yang berbaris, namun pendapat tersebut adalah pendapat yang lemah.
- iv. *Tanwin* (baris dua). Bentuk asalnya sama seperti *fathah*, *kasrah* dan *dammah*. Cuma ditambah bahagian atasnya dengan satu baris yang sepertinya. Bentuk ini juga mengalami sedikit perubahan pada zaman-zaman selepasnya.

Maka pada tahap ini telah berlaku perubahan besar terhadap rupa bentuk baris (*harakah*) al-Quran. Baris-baris ini telah diubah oleh al-Khalil bin Ahmad daripada bentuk titik (*nuqt al-'Irab*) kepada *harakah*. Bentuk yang baru ini juga lebih memudahkan al-Quran untuk dibaca oleh umat Islam. Baris-baris (*harakah*) ini diubahsuai sedikit selepas zaman al-Khalil bin Ahmad dan digunakan sehingga kini.

### 3.7 Tahap Kelima: Zaman Abbasiyah


#### 3.7.1 Memperindah Bentuk Tulisan (Khat)

Pembaharuan ini telah mula berlaku pada penghujung zaman Bani Umayyah dan ia terus berkembang pada zaman Bani Abbasiyyah. Menjelang akhir abad yang ke tiga hijriyyah, bentuknya sudah semakin bertambah indah dan cantik kerana pada ketika itu ramai orang yang mahir dalam penulisan khat telah dapat dilahirkan dan mereka dipilih untuk menulis mashaf-mashaf al-Quran.

Satu riwayat telah menyatakan bahawa Khalifah al-Walid telah memilih Khalid bin Abi al-Hayyaj untuk menulis mashaf-mashaf pada zaman pemerintahannya kerana beliau sangat terkenal dengan keindahan khatnya. Beliau juga adalah merupakan penulis khat pada mihrab yang terdapat dalam masjid an-Nabawi di Madinah al-Munawwarah.

Penulis khat mashaf al-Quran yang masyhur pada zaman sekarang adalah Syeikh Uthman Taha. Beliau adalah seorang pakar khat Arab yang telah menulis tulisan tangan Mashaf al-Madinah, iaitu al-Quran yang diterbitkan oleh Kompleks Percetakan Al-Quran Raja Fadh. Beliau dilahirkan pada tahun 1934 di Aleppo, Syria. Beliau telah menyalin 6 variasi teks yang berbeza termasuk Warsh (Maghribi dan Algeria), Hafs (seluruh dunia), ad-Duri (Afrika dan Sudan) dan Qalun (Libya) (Abd Rahman & Mustafa Abdullah 2002).

Berikut adalah tahap perkembangan perubahan bentuk tulisan mashaf al-Quran (Muhd Mujahid 2018):



#### 3.7.2 Mempermudah Bentuk Baris Al-Quran

Pada permulaan zaman pemerintahan Bani Abbasiyyah, orang yang mula-mula sekali melakukan pembaharuan ini ialah al-Khalil bin Ahmad al-Basri al-Farahidi. Baris-baris yang dimaksudkan itu ialah *fathah*, *kasrah*, *dammah*, *tanwin*, *sukun* dan *syaddah*. Beliau mengambil tanda-tanda baris *fathah*, *kasrah* dan *dammah* dari huruf-huruf mad, iaitu *fathah* (ف), *kasrah* (ک), *dammah* (د).

Cuma terdapat sedikit perselisihan di kalangan ulama yang datang selepas beliau tentang bentuknya. Perselisihan itu melibatkan tiga tanda utama dalam al-Quran iaitu *fathah*, *kasrah*, *dammah*, juga baris dua (*tanwin*) pada ketiga-tiga baris tersebut.

- i. *Fathah* (baris atas). Bentuk asal yang diletakkan oleh al-Khalil bin Ahmad adalah berupa huruf Alif kecil yang melintang dari kanan ke kiri. Bentuk ini mengalami sedikit perubahan pada zaman selepas beliau kepada keadaan melintang serta sedikit condong.
- ii. *Kasrah* (baris bawah). Bentuk asalnya adalah berupa huruf Ya' kecil yang tertolak ke belakang seperti yang diletakkan di bawah huruf yang berkenaan selepas kepala huruf Ya' itu dibuang. Bentuk ini juga mengalami sedikit perubahan selepas seperti baris *fathah* selepas zaman beliau.
- iii. *Dammah* (baris hadapan). Bentuk asalnya adalah berupa huruf Waw kecil.
- iv. *Tanwin* (baris dua). Bentuk asalnya sama seperti *fathah*, *kasrah* dan *dammah*. Cuma ditambah bahagian atasnya dengan satu baris yang sepertinya. Bentuk ini juga mengalami sedikit perubahan pada zaman-zaman selepasnya.
- v. *Syaddah*. Diambil daripada kepala huruf Syin.
- vi. *Sukun*. Diambil daripada kepala huruf Kha.

### 3.8 Pendapat Ulama Terhadap Sebarang Penambahan Tanda

Para ulama mempunyai dua pendapat tentang perbahasan kesemua penambahan yang telah dibincangkan. Pendapat yang pertama adalah mengharuskan setiap penambahan tersebut dan yang kedua adalah mengharuskan tetapi lebih baik ditinggalkan. Pendapat pertama adalah lebih rajih kerana dengan adanya penambahan tanda-tanda ini akan menimbulkan ketekunan dalam membacaan al-Quran.

Imam Malik mengharuskan penambahan tanda-tanda ini di dalam mashaf yang dikhatuskan untuk kanak-kanak dan juga untuk orang dewasa yang baru mempelajari bacaan al-Quran, manakala ianya dilarang bagi mashaf yang asal. Al-Hasan dan Ibn Sirin berpendapat tiada larangan untuk meletakkan tanda titik (*nuqt*) ke dalam mashaf. Imam an-Nawawi yang merupakan seorang ulama besar dalam mazhab asy-Syafie juga berkata: “*Nuqt* mashat dan *syakl* wajar diperaktikkan ke dalam mashaf kerana ia mampu menjaga pembacaan daripada kesalahan (*lahn*) dan perubahan”.

### 3.9 Gambarajah Tahap-Tahap Perkembangan Titik Dan Baris



#### 4.0 Penutup

Begitulah keadaan mashaf-mashaf al-Quran yang mengalami berbagai-bagai pembaharuan dari aspek titik dan baris bermula pada zaman Rasulullah s.a.w. sehingga sekarang. Semua pembaharuan ini terus dicipta bagi mempermudahkan pembacaan al-Quran oleh umat Islam. Jumhur ulama juga berpendapat bahawa kesemua pembaharuan tersebut harus dilakukan, malah dalam suasana ketika ini, ada diantara tanda tersebut dikira wajib untuk diletakkan kerana tanpanya kebanyakan umat Islam akan merasai kesukaran untuk membaca al-Quran. Pada akhir zaman ini pula, semakin banyak mashaf-mashaf yang telah dihasilkan oleh beberapa badan kerajaan atau swasta. Kebanyakannya telah mengubahsuai beberapa tanda tertentu dengan tujuan untuk lebih mengindahkan lagi mashaf-mashaf yang mereka hasilkan (Raffar Mat 2018).

Demikianlah dijelaskan perkembangan pembaharuan titik dan baris di dalam mashaf al-Quran yang mana ianya sangat penting dan perlu diberi perhatian. Terdapat lima tahap utama yang telah mengubah tanda-tanda titik dan baris di dalam al-Quran sehingga terhasil mashaf yang digunakan oleh umat Islam sekarang. Semoga kajian ini memberi manfaat terutamanya kepada umat Islam dalam mengetahui sejarah-sejarah kitab suci al-Quran.

#### Rujukan:

Al-Quran dan Hadis.

Abdul Fattah al-Qadhi. (2004). Terjemahan Ismail Mohd Hassan. Sejarah Al-Quran. Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn Bhd.

Abd Rahman & Mustafa Abdullah. (2002). Pembaharuan Dalam Mashaf Rasm ‘Uthmani: Suatu Sorotan Sejarah. Jurnal Usuluddin. Bil 6.

Ahmad Zulfiqar, Wan Nasyrudin, Sabri Mohamad & Mohd Abdul Nasir. (2015). Analisis Isu Isu Dalam Al-Qira’at al-Shadhdhah. Jurnal Islamiyyat.

Ali Muhammad. (2017). Sejarah Umawiyah dan Abbasiyah. Jakarta: Ummul Qurra.

Bakri Syaykh Amin. (1979). Al-Ta'bir fi al-Quran. Dar al-Syuruq.

Daud Ismail. (2005). Dabd Mushaf Uthmani: Perkembangan, Permasalahan dan Kaitannya Dengan Pembangunan Sosial Di Malaysia. Jurnal Usuluddin, UKM. [http://www.moha.gov.my/images/maklumat\\_bahagian/PQ/Panduan\\_Rasm\\_Bab2.pdf](http://www.moha.gov.my/images/maklumat_bahagian/PQ/Panduan_Rasm_Bab2.pdf)

Manna' al-Qattan. (2015). Mabahith fi 'Ulum al-Quran, Beirut: Muassasah al-Risalah.

Muhammad Ali al-Sabuni. (2012). Al-Tibyan fi 'Ulum al-Quran. Maktabah al-'Asriyyah.

Muhammad Salim Muhaysin. (2002). Irsyad al-Talibin ila Dabd al-Kitab al-Mubin. Kaherah: Dar al-Muhaisyn.

Muhd Mujahid. (2018). Ensiklopedia Al-Quran. Must Read Sdn Bhd.

Raffar Mat. (2018). Kerajaan Khalifah Islam: Kegemilangan Pemerintahan Abbasiyah. Selangor: HR Sdn Bhd.

Rosmawati Ali. (2010). Pengantar Ulum Al-Quran. Pustaka Salam Sdn Bhd.

Sya'ban Muhammad Ismail. (1978). Al-Quran al-Karim fi Tarikhhihi, Khasaisihi, Ahkamihi, Asrarihi, Qird'atihi, Adab Tilawatihi, Nasikhhihi wa Mansukhihi. Mesir: Dar al-Ittihad al-'Arabi.